



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PEMBUKAAN  
LEBUHRAYA BERTINGKAT DAMANSARA-SHAH ALAM  
(DASH)**

**PADA 13 OKTOBER 2022**

**PLAZA TOL DENAI ALAM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin nya jua, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran Pembukaan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH), pada pagi ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menyempurnakan majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Lebuhraya DASH ini ialah lebuhraya bertingkat dalam bandar yang kedua dibuka kepada pengguna oleh Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS) dalam tempoh dua bulan. Ini kerana, hampir sebulan lalu, fasa pertama Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke) baru sahaja dibuka pada 16 September 2022 kepada pengguna dengan jayanya. Tahniah diucapkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PROLINTAS!

4. Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam atau lebih dikenali sebagai DASH ialah lebuhraya bertingkat tiga lorong dua hala. Jajaran utamanya adalah sepanjang 20.1 kilometer dari Puncak Perdana ke Penchala melibatkan 13 persimpangan, tiga plaza tol dan dua hentian sebelah.

5. Lebuhraya DASH dibangunkan oleh PROLINTAS menerusi anak syarikatnya Projek Lintasan Damansara-Shah Alam Sdn. Bhd. sejak Ogos 2016 dengan kos pembinaan bernilai RM4.2 bilion.

6. Lebuhraya ini menghubungkan beberapa rangkaian lebuhraya sedia ada di Lembah Klang seperti Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya Skim Penyuraian Kuala Lumpur Barat (SPRINT).

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sukacita saya ingin kongsi beberapa fakta menarik tentang Lebuhraya DASH. Lebuhraya ini mempunyai ciri unik dengan pemasangan penghadang bunyi kepungan penuh yang pertama di Malaysia sepanjang 260 meter, bertujuan untuk

mengurangkan impak bunyi bising kenderaan yang melalui kawasan Damansara Perdana.

8. Selain itu, *Spaghetti Link* yang terletak antara Damansara Perdana dan Penchala terbentuk apabila tujuh tanjakan laluan lebuh raya dibina secara bertingkat melibatkan lebuh raya sedia ada iaitu Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan Penchala Link, SPRINT dengan Persimpangan Penchala, Lebuhraya DASH.

9. Plaza tol lebuh raya ini juga dibina dengan reka bentuk kanopi yang baharu seiring dengan usaha Kerajaan untuk memperkenalkan sistem kutipan tol tanpa henti atau lebih dikenali sebagai *Multi Lane Free Flow* (MLFF) menjelang 2025 dengan matlamat untuk mengurangkan kesesakan di plaza tol pada masa akan datang.

## **PENUTUP**

10. Pelbagai cabaran dan rintangan telah dilalui oleh pemegang taruh industri lebuh raya dalam memastikan pembinaan sesuatu projek lebuh raya mendatangkan hasil yang memuaskan, memberi impak positif dan memenuhi kehendak pengguna lebuh raya.

11. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar setiap syarikat konsesi lebuhraya meneruskan komitmen dalam menyediakan dan menyelenggara fasiliti serta perkhidmatan berorientasikan *best user experience* atau pengalaman terbaik pengguna. Saya yakin matlamat ini boleh dicapai dengan menambah baik sistem pengurusan lebuhraya sedia ada termasuk penggunaan teknologi terkini.

12. Akhir kata, Kementerian Kerja Raya sentiasa memberikan komitmen padu dalam menyediakan infrastruktur terbaik kepada rakyat demi meningkatkan kesejahteraan hidup Keluarga Malaysia.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.